

Praktis 3

Tema Buku Teks: Sejarah dan Warisan

Lihat gambar di bawah dengan teliti. Berdasarkan maklumat yang terdapat dalam gambar tersebut, tulis ulasan yang panjangnya antara 80 hingga 100 patah perkataan.

Lengkapkan ulasan yang diberikan dengan ayat yang sesuai.

Melaka Bandaraya Bersejarah



Rangka Ulasan

Pendahuluan

Melaka – banyak kisah sejarah – Melaka Bandaraya Bersejarah – pakej melancong ke Melaka

Isi 1

Pakej yang ditawarkan – secara berkumpulan – dua hari satu malam – bermula daripada RM110

Isi 2

Harga dan perkhidmatan berbaloi – menjimatkan kos – pengangkutan bas sepanjang lawatan

Isi 3

Tiket percuma – tempat menarik di Melaka – aktiviti menarik

Penutup

Jangan lepaskan peluang – jauh perjalanan, luas pemandangan

Ulasan Cemerlang

- Antara pengisian pakej ialah pengangkutan bas sepanjang lawatan dan penginapan.
- Harga pakej yang ditawarkan bermula daripada RM110.
- Rebutlah peluang yang ada kerana jauh perjalanan, luas pemandangan.
- Keistimewaan ini mendorong pengunjung untuk melancong ke negeri ini melalui agensi Syarikat Percutian Mega Gemilang.

Negeri Melaka merupakan negeri yang mempunyai banyak kisah sejarah sehingga digelar Melaka Bandaraya Bersejarah (1) _____

Pakej yang ditawarkan ialah pakej secara berkumpulan untuk dua orang selama dua hari satu malam. (2) _____

Pakej percutian ini sememangnya berbaloi dan menjimatkan. (3) _____

Harga yang ditawarkan juga termasuk tiket Menara Taming Sari dan tempat lain seperti A' Famosa, Kapal Samudera berserta aktiviti menarik yang lain. (4) _____